

PENERANGAN

1. Mengikut Seksyen 160, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171),
 160. (1) Apabila sesuatu pegangan berkadar dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan dijual atau dipindahmilik maka adalah menjadi kewajipan penjual atau pemindahmilik dan pembeli atau penerima pindahmilik dalam tempoh tiga bulan selepas jualan atau pindahmilik itu memberi notis mengenainya kepada pihak berkuasa tempatan dalam Borang I dalam Jadual Pertama kepada Akta ini.
 - (2) Apabila pemunya sesuatu pegangan berkadar dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan mati, maka adalah menjadi kewajipan orang yang menjadi pemunya melalui waris atau selainnya memberi notis mengenainya kepada pihak berkuasa tempatan dalam tempoh satu tahun selepas kematian itu dalam Borang J dalam Jadual Pertama kepada Akta ini.
 - (3) Apabila diterima notis itu, pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki dikemukakan suratcara mengenai pertukaran pemunyaan atau suatu salinannya yang diperakui.
 - (4) Tiap-tiap orang yang menjual atau memindahmilik sesuatu pegangan berkadar dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan adalah masih lagi bertanggungjawab membayar semua kadar yang kena dibayar mengenai pegangan itu dan melaksanakan segala kewajipan lain yang ditanggungkan oleh Bahagian ini atau oleh mana-mana undang-undang kecil ke atas pemunya pegangan itu, yang kena dibayar atau akan dilaksanakan pada bila-bila masa sebelum notis mengenai pindahmilik itu diberi atau sehingga jualan atau pindahmilik itu telah direkodkan dalam buku pihak berkuasa tempatan itu.
 - (5) Tiada apa-apa jua dalam ini boleh menyentuh tanggungan pembeli atau penerima pindahmilik untuk membayar kadar-kadar mengenai tanggungan itu atau untuk melaksanakan kewajipan itu, atau menyentuh hak pihak berkuasa tempatan untuk menuntut kadar itu atau untuk menguatkuasakan kewajipan itu di bawah Bahagian ini walaupun kadar itu kena dibayar atau kewajipan itu telah ditanggungkan sebelum notis mengenai jualan atau pindahmilik itu direkodkan.
 - (6) Tiap-tiap orang yang tidak memberi sesuatu notis boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.
2. Satu Borang yang berasingan hendaklah digunakan untuk tiap-tiap satu harta. Borang-borang tambahan boleh diperolehi daripada Jabatan Penilaian, Majlis Daerah Pasir Puteh.
3. Sila lampirkan satu salinan fotostat suratan hakmilik dan salinan fotostat Resit Cukai Taksiran yang terkini.
4. Pertolongan atau bantuan yang dikehendaki untuk mengisi Borang ini boleh didapati daripada Jabatan Penilaian, Majlis Daerah Pasir Puteh atau dengan menelefon 09-7855800 sambungan 810 dan 820 pada waktu-waktu pejabat.

Yang Di-Pertua
MAJLIS DAERAH PASIR PUTEH